

Paras air pasang pasang lepasi ketinggian ban



Pekerja Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL), Mohd Shahrul Ismail, menunjukkan keadaan jalan tar yang turut musnah selepas dihakis arus deras berikutan fenomena air pasang besar, awal pagi semalam di Pantai Kelanang, Banting.



Kilang Cargill Palm Products Sdn Bhd, Jalan Kem, di Pelabuhan Klang dinaiki air.



Beberapa batang pokok yang tumbang selepas dibawa arus deras.

➔ Punca
akibatkan banjir
kilat sekitar
Selangor

ban rosak akibat limpahan air pasang besar adalah di Kampung Sungai Serdang dan Pandamaran di Klang; Pantai Remis dan Kampung Sungai Sembilang di Kuala Selangor serta di Kampung Tok Muda di Kapar.

Katanya, kerja membaiki ban yang rosak sudah dimulakan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

Lebih teruk

Ditanya sama ada banjir kilat akibat fenomena air pasang besar lebih teruk berbanding banjir besar pada 2006 menjejaskan lebih 4,000 rumah di Shah Alam, Zaidy berkata beliau perlu mengesahkan dengan pihak berkaitan terlebih dahulu.

"Saya dimaklumkan fenomena air pasang besar kali terakhir berlaku 10 tahun lalu, namun sama ada ia lebih teruk atau sebaliknya, saya tidak dapat sahkan," katanya.

Sementara itu, Jawatankuasa Bencana Daerah Klang sudah bersedia menghadapi kemungkinan berlaku banjir kilat, terutama di Kampung Tok Muda, Sementa, Kapar.

Pengerusinya, Mohd Zainal Mohd Nor, berkata perbincangan sudah diadakan dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Jabatan Kebajikan Masyarakat; Angkatan Pertahanan Awam (APM), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Pusat Kesihatan Daerah.

Untuk video
layari www.bharian.com.my

Oleh Rafidah Mat Ruzki
dan Norzamira Che Noh
bhnews@bh.com.my

Shah Alam

Paras air pasang yang melepasi ban yang dibina di beberapa kawasan pesisir pantai di Selangor mengakibatkan banjir kilat di kebanyakan tempat di negeri ini.

EXCO Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani Selangor, Zaidy Abdul Talib, berkata ban dibina di pesisir pantai Selangor mampu menahan air sehingga paras 5.5 meter, namun air pasang malam kelmarin mencapai 5.6 meter.

"Memang peningkatan paras air laut semalam (kelmarin) sangat tinggi. Apa yang merisaukan ialah jika berlaku lagi hujan lebat.

"Bagaimanapun, Jabatan Meteorologi meramalkan hujan lebat tidak berlaku," katanya ketika dihubungi, semalam.

Zaidy berkata, antara kawasan

Air pasang besar terburuk dalam tempoh 15 tahun



Peniaga membersihkan restoran selepas dimasuki air banjir di Pelabuhan Klang, semalam.

Shah Alam: Ahli Parlimen Kuala Selangor, Datuk Seri Dr Irmohizam Ibrahim menyifatkan kejadian air pasang besar yang melanda daerah itu sejak kelmarin sebagai yang paling buruk sejak 15 tahun yang lalu.

Selain Kuala Selangor, 13 kawasan di empat daerah di negeri itu turut dilanda banjir akibat limpahan air laut berikutan fenomena air pasang besar yang bermula awal pagi kelmarin.

Rumah alami kerosakan

Beliau berkata, kira-kira 40 keluarga terjejas akibat fenomena itu, terma-

Info

➔ **Pusat Pemindahan Kampung Tok Muda, Sementa** - kapasiti 30 keluarga atau kira-kira 300 orang
➔ **2 bot disediakan** di pusat pemindahan
➔ **Antara kawasan yang dinaiki air** termasuk Bagan Lalang, Sepang; Klang, Banting; Pelabuhan Klang, Pulau Indah dan Pandamaran di Klang; Sungai Sembilang dan Pantai Remis di Kuala Selangor, Tanjong Karang serta Sabak Bernam

suk mengalami kerosakan rumah dan harta benda.

"Selain kerosakan harta benda, kejadian ini juga menyebabkan trauma kepada penduduk berikutan jangkaan akan berlaku dua lagi air pasang besar dalam tempoh terdekat," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Irmohizam yang juga Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) berkata untuk memastikan kebajikan nelayan tempatan yang terjejas akibat banjir terbelah, satu jawatankuasa bencana sudah ditubuhkan dipengerusikan oleh Ketua Pengarah LKIM, M Saedon Ab Majid.